

CNS8128

R GB 28-05 00150 BA926

aab

Mahathir - Pembangunan

MAHATHIR PUAS HATI DENGAN TAHAP PEMBANGUNAN DI LANGKAWI

LANGKAWI, 28 Mei (Bernama) --- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpuas hati dengan projek pembangunan yang dilaksanakan di Langkawi yang telah memberi kesan positif terutama dalam meningkatkan kedatangan pelancong.

Perdana Menteri berkata Langkawi menerima kunjungan kira-kira satu juta pelancong sekarang berbanding dengan antara 20,000 dan 30,000 beberapa tahun lepas.

Beliau bagaimanapun berharap selaras dengan perkembangan itu semua agensi kerajaan memberi kerjasama ke arah pembangunan kepulauan peranginan itu agar ia tidak menjejaskan dan menghalangi proses pembangunan itu sendiri.

Katanya, disamping menentukan formaliti dalam proses pembangunan pihak berkenaan hendaklah memperbetulkan apa yang tidak betul agar projek-projek yang dilaksanakan dapat dijayakan dalam waktu yang ditetapkan.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan projek pembangunan Port Langkasuka di Kuala Muda di sini yang dilaksanakan oleh Port Langkasuka Development Sdn Bhd. -- lagi.

▼28/05/11-25MST

R GB 28-05 00229 BA927

aab

Mahathir - Pembangunan 2 (akhir) Langkawi

Dr Mahathir berkata kerajaan telah membelanjakan RM900 juta untuk melaksanakan kemudahan infrastruktur di sini yang telah banyak memberi manfaat, khususnya, kepada penduduk tempatan.

Bagaimanapun beliau berkata pembangunan yang dilaksanakan di Langkawi bukanlah hanya untuk dinikmati oleh penduduk Langkawi sahaja tetapi seharusnya diagih-agihkan kemudahan atau pun nikmat itu kepada semua rakyat Malaysia.

Projek Port Langkasuka bernilai RM1,000 juta di kawasan seluas 1,000 hektar termasuk projek memulihguna tanah di kawasan pantai. Ia akan merangkumi pembinaan 6,000 buah rumah peranginan di kawasan berhadapan laut yang dijangka siap dalam tempoh lima tahun.

Dr Mahathir berkata projek ini diilhamkan daripada beberapa faktor yang mempengaruhi kawasan berkenaan termasuk keadaan-keadaan pesisiran pantainya yang berlumpur.

Katanya, projek ini mengambil ilham seperti mana Kampung Air di Sabah yang mempunyai kawasan perumahan di atas laut dan cara hidup masyarakat setempat serta kawasan peranginan di selatan Perancis yang melibatkan kawasan memulihguna tanah sehingga menjadi salah satu tarikan pelancong.

Katanya kawasan di Kuala Muda itu juga berlumpur antara lapan hingga sepuluh kaki (2.5 hingga tiga metre) menyebabkan ia lebih sesuai untuk dipulihguna tanpa merosakkan persekitarannya dan sesuai dijadikan kawasan peranginan kerana berdekatan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Padang Mat Sirat.

Beliau berharap projek berkenaan dapat dilaksanakan dengan seberapa segera untuk dinikmati oleh khususnya rakyat Malaysia dan para pelancong.

-- Bernama

ANR SIA